



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**15 November 2022
20 Rabiulakhir 1444H**

SENARAI AKHRAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• Ikan dijangka lagi mahal
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• ‘Orang kaya’ musim tengkujuh
The Star	•
The Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	✓	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		26 15-11-2022

Ikan dijangka lagi mahal

Jumlah pendaratan merosot akibat musim tengkujuh

Oleh Shaiful Shahrin
Ahmad Pauzi
bhnews@bh.com.my BH MS 26

Bukit Gantang: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menjangkakan harga ikan meningkat sekurang-kurangnya dua kali ganda berikutan jumlah pendaratan yang direkodkan di beberapa kawasan mula merosot akibat musim tengkujuh.

Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, berkata penyusutan pendaratan ikan ketika ini sebabkan harga ikan di pasar mula meningkat.

“Setakat ini memang ada beberapa kawasan yang terjejas dan harga ikan juga berlaku peningkatan di pasaran, namun terkawal.

“Buat masa ini harga ikan masih terkawal dan kita akan mengeluarkan stok ikan sejuk beku untuk menstabilkan pasaran jika musim tengkujuh mula berlaku di Pantai Timur,” katanya ditemui media selepas program Pertandingan Memancing Kelubong Challenge 2.0, kelmarin.

Buat simpanan ikan

Syed Abu Hussin berkata, biasanya harga ikan akan kembali terkawal selepas tamat musim tengkujuh iaitu pada Mei hingga Oktober.

“LKIM menjangkakan musim tengkujuh yang melanda kini akan berlarutan hingga bulan Mac 2023.

“Pada Mei hingga Oktober adalah musim pendaratan ikan yang banyak dan LKIM akan membuat simpanan ikan sejuk beku untuk stok masa depan,” katanya.

Bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan ikan, LKIM akan meningkatkan import ikan sejuk beku selain galak rakyat makan ikan darat atau ternak.

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		26	15.11.2022

'Orang kaya' musim tengkujuh

Penduduk raih pendapatan lumayan jual pelbagai ikan darat

Oleh HAZELEN LIANA
KAMARUDIN
RANTAU PANJANG

Sinar ms26

Penduduk luar biasa penduduk kampung yang dijana menerusi hasil jualan ikan darat (air tawar) sempena musim tengkujuh menjadikan kumpulan ini dilabel sebagai 'orang kaya' sepanjang tempoh berkenaan.

Ini diakui sendiri oleh Ameila Ismail, 27, yang menjadikan ikan darat sebagai pendapatan sampingan selepas tidak dapat keluar menoreh akibat hujan.

"Di sebalik musibah ini, masih ada rezeki kepada kami, malah pendapatan menjual ikan darat lebih lumayan berbanding menoreh getah."

"Kalau menoreh nak dapat RM20 sehari pun payah. Namun hasil jualan ikan darat, saya mampu memperoleh pendapatan sekitar RM100 sehari sepanjang musim tengkujuh," katanya ketika ditemui di Kalbot Lima di sini pada Isnin.

Dia memberitahu, bekalan ikan darat tersebut diperoleh daripada orang kampung yang menjala di ka-



Ameila (kanan) dan Faridah (kiri) antara penduduk kampung yang menjana pendapatan menerusi hasil jualan ikan darat sempena musim tengkujuh di Rantau Panjang.

wasan yang dinaiki air.

Ujarnya, gerai yang dibuka seawal jam 7 pagi dan ditutup pada jam 5 petang itu menjual pelbagai jenis ikan seperti baung, keli, haruan, puyu, selet, sebarau, patung, temperas, bujuk dan banyak lagi.

Sementara itu, Faridah Omar, 49, yang merupakan bidan berkata, musim tengkujuh menjadi waktu untuk beliau menambah rezeki dengan berniaga ikan darat.

"Ini adalah pekerjaan wajib saya setiap kali musim tengkujuh kerana permintaan terhadap ikan darat sangat tinggi."

"Hasil jualan RM10 seikat ikan da-

rat ia dapat dijadikan duit simpanan dan kegunaan harian," katanya.

Dia memberitahu, ada pelanggan datang seawal jam 7 pagi untuk mendapatkan bekalan ikan yang segar.

Tambahnya, harga ikan darat masih dikekalkan sama dengan musim tengkujuh tahun lepas iaitu bagi ikan haruan RM15 sekilogram (kg), keli (RM20) dan baung (RM25).

Tinjauan di sepanjang jalan Pasir Mas - Rantau Panjang terdapat hamipir 10 gerai jualan ikan darat.

Mereka akan berpindah-randah mengikut keadaan semasa kerana laluān tersebut akan dinaiki air jika hujan lebat.